

Bangun kampus utama UMS diteruskan

KUALA LUMPUR: Pembangunan kampus utama Universiti Malaysia Sabah (UMS) tetap diteruskan walaupun peruntukannya dikurangkan daripada RM350 juta kepada RM260 juta, kata Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Khalid Yusof, pada Rabu.

Katanya, pemotongan peruntukan itu merupakan sebahagian daripada pemotongan yang dibuat terhadap perbelanjaan pembangunan semua universiti di negara ini yang melibatkan sejumlah RM440 juta.

Ketika menggulung perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan bagi Kementerian itu di Dewan Rakyat di sini, beliau berkata kerajaan juga terpaksa mengurangkan peruntukan bagi program Sekolah Bestari seluruh negara daripada RM116 juta kepada RM50 juta.

"Tidak ada siapa yang setuju dengan pemotongan ini... tetapi akibat kegawatan ekonomi yang melanda, kita tidak mempunyai duit dan terpaksa melakukannya," katanya.

Menurut beliau, projek Sekolah Bestari yang akan melibatkan 90 sekolah dan bermula awal tahun depan itu tidak akan terjejas akibat pemotongan yang dibuat kerana komponen penting untuk menjayakannya masih diteruskan. -Bernama